

## SOROTAN TAHAP KEBOLEHCAPAIAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN MENGGUNAKAN KOD TANGAN<sup>○</sup>

*(The Accessibility of Students with Hearing Problems in Mastering the  
Reading Skill of Al-Quran Using Hand Code)*

Nor 'Aziah Binti Mohd Daud<sup>1</sup>, Zulkifli Mohd Yusoff<sup>2</sup>

### ABSTRACT

Quran reading skills among students with hearing problems are rarely explored by researchers or teachers. Therefore, the level of achievement of these students may not be known because of these activities can be seen rarely implement in schools. Lately, through innovation and development of teaching and learning methodology, Fakih's method took place in the era of hand-reading skills using the code. Based on the eight months research field experience, it was found impaired students can master the skill of reading al-Quran with hand code. It is against the backdrop of various factors viability. Among those factors is the internal motivation, family background, and also the level of hearing problems and the category of problems. All these elements give the guidance to the success of learning activities, reading the Quran for hearing impaired students.

**Keywords:** *Reading Skills, Hearing Problems, Hand Code, Fakih Method.*

---

<sup>○</sup> This article was submitted on: 18/02/2015 and accepted for publication on: 28/04/2015.

<sup>1</sup> Nor 'Aziah, Centre of Quranic Research (CQR), UM, email: mnor39aziah@yahoo.com

<sup>2</sup> Zulkifli, Academy of Islamic Studies (API), UM, email: zulkifliy@um.edu.my

## ABSTRAK

Kemahiran membaca al-Quran di kalangan murid bermasalah pendengaran amat jarang diteroka oleh penyelidik mahupun pendidik. Oleh itu, tahap pencapaian murid-murid ini tidak dapat diketahui umum lantaran aktiviti berkenaan jarang dapat dilihat pelaksanaannya di sekolah. Memandangkan mutakhir ini, melalui inovasi dan perkembangan metodologi pengajaran dan pembelajaran, kaedah Fakih dilihat mengambil tempat dalam era kemahiran membaca menggunakan kod tangan. Berdasarkan pengalaman kajian di lapangan selama lapan bulan maka didapati murid-murid bermasalah pendengaran ini boleh menguasai kemahiran membaca al-Quran menggunakan kod tangan. Ianya dilatari pelbagai faktor kebolehjayaan. Antara faktor tersebut ialah motivasi dalaman, latar belakang keluarga, kategori kepekakkan dan juga tahap kepekakkan. Semua elemen ini memberi petunjuk kepada keberhasilan aktiviti pembelajaran, kemahiran membaca al-Quran bagi murid bermasalah pendengaran.

**Kata kunci:** *Kemahiran Membaca, Bermasalah Pendengaran, Kod Tangan, Kaedah Fakih*

### 1.0 PENGENALAN

Ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Jibril adalah dari Surah al-'Alaq ketika baginda berusia 40 tahun :

﴿اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾ (العلق: ١-٥).

Maksudnya: “Bacalah dengan (menyebut) nama tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dari tuhanmu yang Maha Mulia. Yang mengajar (manusia) dengan pena. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.”<sup>1</sup>

Apa yang tersirat di sebalik penurunan ayat di atas adalah kewajipan ummat Islam untuk menguasai ilmu pengetahuan di mana pintu gerbang nya adalah kemahiran membaca. Begitu pentingnya kemahiran membaca terutamanya membaca al-Quran terakam dalam sejarah Islam dengan begitu indah lagi gemilang. Bermula dengan Rasulullah SAW mendidik para sahabat

<sup>1</sup> Ahmad Saifuddin, *Syamil al-Quran: Mircale The Reference*, (Jawa Barat: t.p., 2010), 1191.

untuk menguasai kemahiran membaca diikuti memahami dan menghayati al-Quran, dapat dilihat menerusi amalan Talaqqi dan Musafaqah yang dilaksanakan Rasulullah SAW setiap hari di masjid. Rasulullah SAW seterusnya meminta para sahabat menghafalnya sebagaimana sabda baginda:

"مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَحَفِظَهُ أُدْخِلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ، وَشَعَّعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلِّهِمْ قَدْ اسْتَوْجَبَ النَّارَ."

Maksudnya: "Sesiapa yang membaca al-Quran dan menghafalnya, maka Allah memasukkannya ke dalam syurga dan dapat memberi syafaat kepada ahli rumahnya sepuluh orang yang tetap masuk neraka."<sup>1</sup>

Tradisi membaca dan menghafal al-Quran diteruskan tanpa henti sehingga ke hari ini dengan pelbagai kaedah, pendekatan dan strategi dilakukan oleh para ulama' untuk memastikan ianya terus subur di muka bumi. Memetik kata-kata Sayyid Qutb

*"Sesungguhnya pen sentiasa menjadi kaedah pembelajaran paling berkesan dan berpengaruh luas dalam kehidupan manusia. Fakta ini tidaklah begitu jelas di zaman turunnya wahyu dibandingkan zaman sekarang ini. Allah tahu nilai pen itu; dari itu pernyataan bagi pen pada awal permulaan langkah dari langkah-langkah risalah terakhir ini dalam surah pertama dari al-Quran"*<sup>2</sup>

Malangnya apa yang berlaku hari ini, masyarakat melupakan al-Quran sedikit demi sedikit. Menurut Saidi b. Mohd (2006) menyatakan bahawa Al-Nadwi pernah berkata sekurang-kurangnya terdapat lima kaedah pemuluan terhadap al-Quran:

*Enggan mendengar pembacaan al-Quran.*

*Enggan beriman dengan al-Quran.*

*Enggan mengambil hukum-hukum daripada al-Quran dan enggan menerima hukum darinya.*

<sup>1</sup> Hadith riwayat Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Qazwainiy, dan Syaib al-Arnaut, ed., *Sunan IbnuMajah*, (t.tp: Dar al-riisalah-Alamiah, 2009), 1:146-147 (Kitab Kebihan Sahabat-Sahabat Rasulullah SAW, Bab Kelebihan Orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya, no. Hadith 216). Al-Arnaut mengatakan bahawa sanadnya sangat lemah.

<sup>2</sup> Sayyib Qutb, *Tafsir Di Bawah Naungan Al-Quran Juz 30*, terj. Siti Rabi'ah Sarnap (Kuala Lumpur: Jahabarsa, 2008).

*Enggan mengambil iktibar dan enggan memberi perhatian untuk memahaminya.*<sup>1</sup>

*Enggan mencari kesembuhan dengan al-Quran dan enggan pula menjadikannya ubat.*<sup>2</sup>

Maka jika itu gambaran masyarakat hari ini yang dikatakan normal (cukup sihat pancaindera) dan berfikiran sempurna, maka bagaimana pula dengan nasib golongan kurang upaya dalam pengajian al-Quran?. Bagaimanakah pendidikan agama khususnya dalam bidang al-Quran dijalankan di rumah-rumah, di masjid ataupun di sekolah-sekolah. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat perkara berikut. Perjalanan pengajian al-Quran untuk murid berkeperluan Khas di sekolah terpilih dari sudut tahap pencapaian murid dalam kemahiran membaca al-Quran melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Secara khususnya objektif yang ingin dicapai bagi memenuhi keperluan kajian adalah mengukur pencapaian murid dalam kemahiran membaca al-Quran iaitu mengenal pasti huruf dan kebolehan membaca kalimah. Terdapat satu persoalan kajian yang ingin diteliti oleh pengkaji iaitu apakah kaedah yang paling sesuai dilaksanakan untuk murid-murid tersebut bagi pengajian al-Quran bagi murid bermasalah pendengaran sahaja dan murid bermasalah pendengaran dengan masalah bercampur.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan ke atas sebelas orang murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran yang belajar di bawah satu bumbung iaitu program bermasalah pendengaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Temerloh Jaya, Temerloh Pahang. Sebahagian besar murid tersebut tinggal di asrama dan program Pendidikan Khas ini berada dalam kelompok program Integrasi di sekolah harian biasa di mana murid-murid di arus perdana turut menjadi warga di kedua-dua sekolah tersebut. Murid-murid yang dipilih mewakili murid Bermasalah Pendengaran. Ada yang menghadapi hanya satu kecacatan dan tidak ketinggalan mereka yang memiliki kecacatan bercampur. Tahap kecacatan juga adalah berbeza, ada yang dalam kategori sedikit, sederhana, teruk dan sangat teruk. Usia murid-murid ini di antara 14 tahun hingga 19 tahun dan ianya terdiri daripada sembilan orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan.

<sup>1</sup> Abu al-Hassan `Ali al-Hasany Al-Nadwi, *Nahwa al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrah*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1982), 89.

<sup>2</sup> Haron Din, *Tassawur Islam*, (Shah Alam: Hizbi, 1992), 99.

KATEGORI KECACATAN	BILANGAN MURID
1. Pekak Sangat teruk	3 orang
2. Pekak Sederhana Teruk	2 orang
3. Pekak Sederhana	2 orang
4. Pekak Ringan	1 orang
5. Pekak Bercampur ( satu kecacatan atau lebih)	1 orang
6. Bisu	-
7. Lambam dan Pekak	2 orang
<b>Jumlah</b>	<b>11 orang</b>

Jadual 1. Kategori kecacatan peserta kajian

Kajian ini melibatkan mereka yang tinggal di asrama dan aktiviti pengajian hanya melibatkan waktu sekolah sahaja. Selain itu, tenaga pengajar yang di temui bual seramai 2 orang terdiri daripada guru-guru agama yang mengajar murid-murid ini. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mendapat latihan khusus dalam Pendidikan Khas dari IPTA. Memandangkan responden terdiri daripada murid-murid khas, mereka menghadapi masalah untuk mengingat kesemua maklumat yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan masing-masing dengan tepat. Oleh itu, maklumat yang diperolehi adalah daripada guru darjah masing-masing melalui rekod profil murid. Penentuan tempat kajian adalah amat penting bagi sesuatu kajian. Ini disebabkan dalam kajian kualitatif menjalankan kerja lapangan dengan sempurna adalah satu tuntutan pengkaji perlu sentiasa berhubung rapat dengan peserta kajian. Kejayaan sesuatu kajian diambil kira dengan kekal tempat yang dipilih. Selain itu ianya perlu menepati ciri-ciri yang digariskan oleh objektif kajian. Bagi mendapatkan data yang agak jitu dalam kajian ini, maka pengkaji memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh Jaya sebagai medan kajian.

Sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) bagi murid- murid menengah dalam kategori Bermasalah Pendengaran sekitar Pahang Barat yang meliputi Daerah Bentong, Temerloh, Bera, Jerantut, Kuala Lipis dan juga Cameron Highland. Murid-murid ini turut berkampung di sekolah tersebut. Fokus pada kajian ini adalah murid-murid bermasalah pendengaran yang berada di sekolah menengah integrasi, iaitu seramai 11 orang telah dipilih terdiri daripada 9 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan yang berusia antara 13 tahun hingga 18 tahun. Selain itu, pengkaji turut memasukkan dua orang guru Pendidikan Islam sebagai sebahagian daripada peserta kajian memandangkan mereka ini terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid berkenaan. Walaupun dari sudut kuantitinya tidak ramai tetapi ianya tidak menjadi hal

kepada kajian kualitatif sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Barbour (2007), Gay (1996) dan Taylor & Bogdan (2004). Menurut mereka tiada garis panduan kepada bilangan sampel bagi sesebuah kajian kualitatif. Peserta yang terdiri daripada kalangan murid mempunyai sejarah kesihatan yang berbeza. Paling ketara pada tahap kepekakkan yang dialami oleh murid-murid tersebut. Ada murid yang dalam kategori pekak ringan, sederhana, sederhana teruk dan teruk. Seorang daripada mereka ini menghadapi masalah pendengaran ringan disebabkan masalah saraf (sensory neural). Walau bagaimana pun kelebihan pada murid ini kerana beliau tidak mengalami masalah pertuturan. 10 orang murid yang lainnya mempunyai masalah dalam pertuturan.

Pengkaji telah merangka bagi menyelesaikan kerja lapangan selama sembilan bulan, iaitu dari bulan Januari hingga September. Selama lapan bulan diperuntukkan masa aktiviti dijalankan kerana terdapat juga kekangan yang dihadapi. Antara kekangan yang paling ketara ialah cuti sekolah, minggu peperiksaan dan juga keterlibatan murid dengan aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti sukan dan permainan, perkhemahan, lawatan sambil belajar, majlis tilawah al-Quran dan kursus-kursus tertentu bagi guru. Ketidakhadiran mereka di dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sedikit sebanyak membantutkan proses pemerhatian dan penyelidikan. Kajian yang dijalankan hanya melibatkan waktu pengajian al-Quran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan komponen tilawah, hafazan dan juga ayat kefahaman. Pengkaji mengadakan perbincangan awal dengan dua orang guru yang terlibat bagi memastikan guru dapat memahami objektif pengkaji dan diharap dapat memberi kerjasama semaksimum mungkin sepanjang kajian dijalankan. Setiap kali sesi pemerhatian adalah 40 minit. Sebanyak 4 kali sesi untuk ujian diagnostik, 31 kali sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, 5 kali sesi tidak secara langsung iaitu untuk latihan Tilawah al-Quran (latih murid) dan 4 kali untuk program Tadarus al-Quran yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan. Pada keseluruhannya 40 kali sesi secara terus dijalankan dan pemerhatian dibuat meliputi respon murid terhadap pengajaran guru, kaedah yang diguna pakai oleh guru semasa mengajar, termasuk juga bahan bantu belajar yang paling kerap digunakan oleh mereka.

Masa yang agak lama kira-kira 3 minggu diambil oleh pengkaji bagi menilai hasil kerja murid. Seterusnya bahan-bahan akan dikutip dan dikumpul. Selain itu, perbincangan bersama guru dibuat bagi mendapatkan kesimpulan dapatan kerja murid untuk dinilai bersama dan menjadi markah bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pertengahan tahun. Sekitar akhir bulan Julai dan awal bulan Ogos, pengkaji memberi tumpuan mendapatkan data bagi guru, pentadbir, dan mereka yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan

pembelajaran murid-murid yang dikaji. Sesi temu ramah, mengumpulkan maklumat guru, seterusnya mendapatkan respon secara bertulis telah dijalankan. Melalui bahan soal selidik, analisa dibuat bagi memperoleh data sebenar. Berikut adalah jadual tempoh masa kajian yang telah dijalankan:

Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept
Rintis 1	/				Peperiksaan dan Cuti Pertengahan Tahun				
Ting 1		/	/	/		/	/		
Ting 2		/		/		/	/		
Ting 3		/	/			/	/		
Ting 4		/				/	/		/
Guru							/	/	
Rintis 2							/		

Jadual 2. Jadual Tempoh Masa Kajian

## 2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi Hamdi Ishak (2011) beliau melihat bahawa pengkaji-pengkaji kualitatif menggunakan tiga metodologi bagi mengumpul maklumat iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen<sup>1</sup>. Ini turut diperakui oleh Bogdan & Biklan (2003), serta Menriam (1988) Spradley (1980). Oleh itu, pengkaji turut menjadikan kaedah pemerhatian (rujuk lampiran V) sebagai salah satu cara bagi melihat sendiri pengajian al-Quran dilaksanakan di bilik darjah. Bahkan sebahagianbesar masa diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti berkenaan dengan berpandukan jadual waktu sedia ada. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mantap, pengumpulan dan penelitian ke atas dokumen sokongan adalah amat penting. Oleh itu, RPI, Sukatan Pelajaran, Buku Rekod Mengajar dan Rekod Kesihatan diusahakan agar dapat diperolehi daripada sumber-sumber yang terdekat dengan murid. Selama tujuh bulan data atau maklumat dikumpul sedikit demi sedikit. Pelbagai cara diguna bagi mendapatkan maklumat yang tepat serta boleh diterima pakai. Antara yang paling mencabar adalah untuk mendapatkan maklumat Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Ini disebabkan pihak pentadbir dan guru-guru tidak menulis RPI setiap hari habis sesi

<sup>1</sup> Hamdi Ishak, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) Satu Kajian Kes," (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

pengajaran dan pembelajaran. Maka, kajian lebih tertumpu kepada kajian lapangan dan laporan pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Contohnya pengkaji turut serta sepanjang Ramadan membantu membimbing murid-murid ini melaksanakan program Tadarus al-Quran peringkat Pendidikan Khas di sekolah pada bulan Julai. Turut diambil kira ialah aktiviti latihan persediaan 3 orang murid Pendidikan Khas ini mengadakan persembahan di Majlis Tilawah al-Quran untuk Murid Pekak yang diadakan di Universiti Malaya pada pertengahan Jun 2013.

### 2.1.1 Pemerhatian Proses Pembelajaran

Sebagai permulaan untuk kerja lapangan, pengkaji menyusun terlebih dahulu jadual kajian. Bagi aktiviti pemerhatian ke atas pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sebanyak 30 kali telah dijalankan. Ianya meliputi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Tilawah, Hafazan dan Ayat Kefahaman. Dari bulan Mac hingga Julai, ia di laksana secara berperingkat dan merangkumi kesemua murid Bermasalah Pendengaran di sekolah tersebut. Turut dicatat adalah refleksi yang ditulis guru untuk aktiviti pengajaran pada hari yang tersebut. Pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Aktiviti Pemerhatian) terbahagi kepada :

- a) Latihan Majlis Tilawah Al-Quran.
- b) Tadarus Al-Quran.

di dalam dan di luar bilik darjah pada bulan Februari - September 2013

Bil	Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran	Jumlah
1	Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Dalam Bilik Darjah	30
2	Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Luar Bilik Darjah	9
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>39</b>

Jadual 3: Jumlah sesi pemerhatian penyelidik terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran

Begitu juga bagi catatan lapangan untuk aktiviti Latihan Majlis Tilawah al-Quran, sebanyak lima kali sesi latihan telah diikuti oleh pengkaji dengan dibantu oleh guru mata pelajaran Pendidikan Islam. Seramai tiga orang murid yang terlibat secara langsung. Ianya terdiri daripada seorang murid tingkatan 1 dan 2 orang murid tingkatan 3. Mereka berlatih untuk membaca Surah al-Fatihah bermula ayat 1 hingga ayat ke 7. Turut ditekankan cara adab untuk membaca al-Quran dalam majlis. Akhirnya murid-murid ini telah berjaya



mengadakan persembahan tilawah al-Quran dengan baiknya di Majlis Tilawah al-Quran untuk Murid Pekak 2013, anjuran Universiti Malaya.<sup>1</sup>

Bagi program Tadarus al-Quran sempena Ihya' Ramadan, Murid-Murid Bermasalah Pendengaran turut menjayakannya. Pengkaji telah mengikuti majlis berkenaan sebanyak 4 kali. Seramai 11 orang murid yang diagih kepada 4 kumpulan. Program dijalankan antara jam 10.00 pagi – 10.40 pagi. Murid-murid ini dibahagikan kepada 4 kumpulan. Sementara sasaran untuk mereka adalah boleh membaca juzu' 30 sahaja, dengan 10 orang menggunakan bahasa isyarat dan hanya seorang yang menggunakan medium pertuturan. Setiap kumpulan dibimbing oleh seorang guru.<sup>2</sup>

### 2.1.2 Analisis Dokumen

Bagi melengkapkan maklumat pengkaji, beberapa dokumen rasmi dan tidak rasmi turut dikumpul. Segala maklumat yang diperolehi daripada dokumen-dokumen tersebut dikaji dan dianalisis bagi mendapatkan maklumat sebenar. Antara dokumen-dokumen yang dikenal pasti untuk dibuat penelitian ialah RPI, Buku Rekod Mengajar Guru, Hasil Kerja Murid dan Keputusan Peperiksaan Murid. Pengkaji turut berjumpa dengan guru data sekolah bagi mendapatkan data yang sahih berlatar belakang murid dan juga data guru. Turut dilihat ialah Rekod Kesihatan Murid bagi mengenal pasti sejarah masalah kesihatan murid. Untuk mendapatkan kesemua dokumen yang disebut kerjasama dari pentadbir sekolah, Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) amat-amat pengkaji hargai. Selain itu pengkaji turut menyediakan dokumen seperti soal selidik untuk dijawab oleh guru dan pentadbir. Turut dirangka adalah soalan-soalan bertulis bagi menguji tahap kefahaman murid dalam Kemahiran Membaca al-Quran menggunakan Kaedah Fakih. Untuk itu ujian rintis 2 dijalankan. Ujian yang dilaksanakan pada Majlis Tilawah al-Quran untuk Murid Pekak 2013 anjuran Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya, seramai 19 orang murid dari sekolah-sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas telah menjawab soalan-soalan yang diberikan. Bentuk soalan yang hampir sama, kemudiannya diberikan kepada murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh Jaya. Ianya di laksana bagi melihat sejauh mana pencapaian sebenar murid-murid tersebut dalam Kemahiran Membaca al-Quran pada peringkat paling asas dengan tidak melibatkan unsur tajwid.

<sup>1</sup> Penulis tidak diketahui, "Mengaji Guna Bahasa Isyarat," *Berita Harian*, 16 Julai 2013.

<sup>2</sup> Syarina Angkashah, Laporan Aktiviti Tadarus Al-Quran Pendidikan Khas 2013, (laporan, 10 Julai – 2 Ogos 2013).

### 3.0 ANALISIS KEPUTUSAN

Data-data yang diperoleh diteliti dan diklasifikasikan mengikut keperluan dan kehendak kajian. Bagi data dari aktiviti pemerhatian di bilik darjah, pengkaji melihat dari kekerapan pengulangan atau penggunaan bahan dan metodologi yang dipakai. Dari pemerhatian di bilik darjah, pengkaji mengumpulkan maklumat daripada bahagian refleksi atau respon murid untuk melihat tahap pencapaian sebenar murid dan pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran guru. Semua instrument yang berkaitan akan dikumpul, dianalisis seterusnya dijadikan dalam bentuk peratusan untuk dilihat tahap hasilan yang diperoleh. Selain daripada itu, maklumat yang ada turut dijadikan graf dan juga dalam bentuk jadual bagi memudahkan proses menganalisis. Ini dilakukan bagi instrumen yang diperoleh dari profil peribadi murid dan juga latar belakang guru. Setelah itu, instrumen yang ada akan dibuat penjumlahan, perbezaan mahu pun persamaan mengikut kepada keperluan kajian.

Bagi hasil kerja murid pula, pengkaji menggunakan gred purata berasaskan sekolah untuk melihat skor yang sebenar yang diperoleh seseorang murid. Bagi setiap individu (murid) selain hasil kerja bertulis, turut diambil kira ialah komen guru dari temu bual semasa selesai pemerhatian di bilik darjah. Untuk data yang diperoleh dari laporan RPI murid, pengkaji mengambil terus dapatan sedia ada yang ditulis oleh guru mata pelajaran. Contohnya bagi ujian Diagnostik ke atas murid dalam topik Kenal pasti Huruf *Hijaiyah* Tunggal. Pengkaji menjadikan instrumen tersebut bagi mengklasifikasikan keupayaan murid mengikut kumpulan. Perkembangan dan tahap keupayaan prestasi murid melalui jangka masa atau tarikh amat penting buat pengkaji. Hasilannya pengkaji dapat mengetahui prestasi kognitif murid dengan menganalisis tarikh mula dan akhir sesuatu topik diberi kepada murid. Setiap murid dikira dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik jika julat masa yang diperoleh itu singkat atau sedikit. Begitulah juga sebaliknya.

#### 3.1 Latar Belakang Peserta Kajian

Jantina	Lelaki	Perempuan
Bilangan	9	2
Umur	13-16 Tahun	13&17 Tahun
Tahap Kepekakan	Ringan – Teruk	Sederhana –Teruk
Tingkatan	1-3	1&4
Masalah lain	Kecacatan Pelbagai	Pekak sahaja
Kod	PM01-PM07, PM10-PM11	PM08&PM09

Jadual 4. Latar Belakang Murid

JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
Bilangan	9	2
Umur	13-16 Tahun	13&17 Tahun
Tahap Kepekakan	Ringan – Teruk	Sederhana – Teruk
Tingkatan	1-3	1&4
Masalah lain	Kecacatan Pelbagai	Pekak sahaja
Kod	PM01-PM07, PM10-PM11	PM08&PM09

Hampir kesemua murid ini tinggal di asrama kecuali 2 orang murid perempuan yang tinggal di rumah masing-masing. Melalui saringan dari ujian rintis 1, murid-murid ini di kelompok mengikut keupayaan pencapaian mereka dalam kemahiran membaca. Walaupun dua dari lima orang berada di tingkatan yang berbeza, tetapi kebolehan mereka menerima pengajaran dan pembelajaran hampir sama. Contohnya pencapaian PM05 dan PM01 dari sudut keupayaan mereka membaca al-Quran menggunakan kod tangan, didapati hampir sama. Ini dapat dilihat dari hasil kerja murid yang dilihat semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di bilik darjah (HK05 dan HK01). Pengkaji mendapati kelima-lima murid ini memiliki persamaan yang agak ketara dari sudut tahap kerosakan pendengaran iaitu majoriti mereka mengalami masalah pendengaran pada tahap sederhana dan teruk. Seorang daripada mereka iaitu PM01 bahkan boleh bertutur kerana masalah kepekakan yang dihadapi datang secara beransur-ansur kemudian iaitu ketika beliau berada di Tahun 3 akibat pengambilan ubat-ubatan. Beliau adalah penghidap sakit buah pinggang kronik.

Perkara	PM01	PM02	PM03	PM04	PM05
Jantina	L	L	L	L	L
Umur	15	13	17	17	17
Tahap Kepekakan	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Teruk
Tingkatan	2	1	3	3	3
Masalah Lain	Buah Pinggang Sebelah	-	Rabun Teruk	-	-

Jadual 5: Latar Belakang Murid Dalam Kumpulan A

Perkara	PM06	PM07	PM08
Jantina	P	P	L
Umur	18	14	15
Tahap Kepekakan	Sederhana	Teruk	Sederhana Teruk
Tingkatan	4	1	2
Masalah Lain	-	-	Ahli Keluarga Lain Pekak

Jadual 6: Latar Belakang Murid Dalam Kumpulan B

Kumpulan B yang terdiri daripada 3 orang murid berada dalam bilik darjah berasingan iaitu PM06 di Tingkatan 4, PM07 di Tingkatan 1 dan PM08 di Tingkatan 2. Dapatan dari pemerhatian pengkaji, tahap pencapaian ketiga-tiga murid ini agak konsisten dan hampir sama antara satu sama lain. Masing-masing sangat suka belajar ‘tilawah al-Quran’ tetapi tetap berhadapan dengan masalah apabila ingin membaca al-Quran. Masing-masing masih lagi keliru bila mana diminta membaca kalimah yang mengandungi pelbagai tanda baris iaitu sukun (◌ْ) dan syaddah (◌ّ). Kerap kali guru terpaksa membimbing dan mengingatkan murid-murid semasa sesi kemahiran membaca di bilik darjah. Hasil kajian murid melalui kerja bertulis dari kumpulan ini dapat dikesan berlakunya masalah kekeliruan tersebut.

Perkara	PM09	PM10	PM11
Jantina	L	L	L
Umur	14	15	14
Tahap Kepekakan	Teruk	Sederhana Teruk	Teruk
Tingkatan	2	2	1
Masalah Lain	Perkembangan Lambat	-	Fokus Singkat

Jadual 7: Latar Belakang Murid Dalam Kumpulan C

Kumpulan C meletakkan Murid Bermasalah Pendengaran yang turut mengalami masalah pembelajaran. Murid PM09 turut mengalami masalah perkembangan lambat sementara PM10 dan PM11 sukar memberi fokus semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun dari segi fizikalnya ketiga-tiganya kelihatan hampir normal dan setara tetapi dari segi tahap kognitif mereka bertiga adalah lebih ketara paling lambat untuk memahami sesuatu isi kandungan pelajaran mahu pun arahan soalan. Ini diperakui oleh guru Pendidikan Islam PG01 dan PG02. Kerap kali pengkaji melihat semasa pengajaran dan pembelajaran guru kelas mahu pun mata pelajaran terpaksa membimbing murid-

murid ini, sebaik sahaja selesai mengarahkan murid lain menjalankan aktiviti pengukuhan dan pengajaran. Mereka juga kerap dibimbing dalam melakukan kerja rumah yang diberi di luar waktu belajar.

### 3.2 Tahap Pencapaian Kemahiran Membaca Al-Quran Murid

Paling ketara bila menyentuh tahap pencapaian murid, pengkaji mula mencari jawapan melalui data peperiksaan. Setelah menemui setiausaha peperiksaan, guru darjah dan guru mata pelajaran barulah disedari bahawa keputusan yang diperoleh sebenarnya tidak menggambarkan keupayaan sebenar penguasaan kemahiran membaca bagi murid bermasalah pendengaran.

Memandangkan murid khas kategori masalah pendengaran ini menduduki kertas peperiksaan murid-murid tipikal di arus perdana, maka ujian atau item yang menguji kemahiran membaca hampir tidak ada. Pelaksanaan ujian agama di arus perdana ialah ujian Penilaian Asas Fardu 'Ain (PAFA).


Murid diminta membaca ayat-ayat tertentu dalam jangka masa tertentu. Bagi murid pendidikan khas bermasalah pendengaran mereka dibolehkan mendapat pengecualian menduduki ujian tersebut. Ini disahkan oleh setiausaha peperiksaan pendidikan khas sekolah, di mana beliau memaklumkan bahawa perkara tersebut selaras dengan peraturan peperiksaan yang membenarkan bagi calon OKU bermasalah pendengaran memohon pengecualian dari menduduki ujian PAFA.

Walau bagaimana pun hasil dari pemerhatian pengkaji, memang dapat dilihat perbezaan dari segi kognitif pencapaian keseluruhan ketiga-tiga kumpulan ini dari sudut kemahiran membaca. Bagi kumpulan A, rata-rata murid-murid ini dapat menguasai kemahiran membaca dalam jangka masa lebih kurang dari tiga bulan dengan menggunakan kaedah Fakih. Empat dari lima orang murid-murid ini yang tidak dapat bertutur dengan sempurna menggunakan kaedah membaca menggunakan bahasa isyarat. Mereka dapat menguasai kemahiran membaca ini dengan lebih cepat berbanding dengan rakan-rakan dari kumpulan lain. Berikut adalah jadual pencapaian mereka.

Peserta	Tempoh penguasaan kemahiran membaca al-Quran	Jumlah Minggu
PM01	08 Januari 2013 – 28 Februari 2013	7
PM02	01 Ogos 2013 – 09 Oktober 2013	10
PM03	01 Ogos 2013 – 09 Oktober 2013	10
PM04	01 Ogos 2013 – 09 Oktober 2013	10

PM05	01 Ogos 2013 – 10 Oktober 2013	10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>47</b>

Jadual 8. Pencapaian Murid Dalam Kumpulan A



Rajah 1: Tempoh Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran Murid Dalam Kumpulan A

Bermula dengan ujian diagnostik, untuk kenal pasti huruf tunggal dan bersambung hinggalah kepada kemahiran membaca dua kalimah dalam sesuatu ayat, murid-murid ini dapat menguasai kemahiran yang diajar dengan pantas. Dilihat kepada faktor-faktor yang membantu mereka pantas menguasai kemahiran ini antaranya ialah motivasi dari dalam diri murid ini sendiri merupakan faktor penentu. Kelima-lima murid ini, murid lelaki dan mempunyai latar belakang yang berbeza. Contoh PM01 merupakan murid yang menghadapi masalah pendengaran akibat pengambilan ubat yang berterusan. Menurut ibunya beliau anak sulung dan menghadapi masalah kerosakan buah pinggang sejak lahir.<sup>1</sup> Hasil daripada pemindahan buah pinggang yang dilakukan semasa usia 6 tahun dan pengambilan ubat-ubatan berterusan, beliau mula mengalami masalah pendengaran. Ketika berusia 9 tahun, doktor telah mengesahkan bahawa beliau mempunyai masalah pendengaran pada tahap sederhana teruk. Walau bagaimana pun oleh kerana kepekakan yang dialami itu hadir kemudian, maka beliau telah menguasai kemahiran bertutur dari kecil. Sikap ibu bapanya yang mengambil berat tentang pendidikan al-Quran juga menjadi penyumbang kepada kebolehpayaan beliau menguasai Kemahiran Membaca al-Quran dengan jayanya.

Sementara PM02 pula murid Tingkatan 3 dan mempunyai ibu bapa yang sangat positif. Ibunya seorang guru begitu menggalakkan beliau untuk sentiasa bertutur. PM02 berperwatakan ceria dan sentiasa aktif di bilik darjah. Gemar

<sup>1</sup> Rabiatul Adawiyah, (ibu kepada PM01), dalam temu bual dengan penulis.


bertanya jika tidak tahu dan tidak mudah malu. Personalitinya mudah mesra dengan siapa sahaja. Beliau boleh bertutur sedikit-sedikit dan punya 'self-esteem' yang tinggi. Di kalangan rakan-rakan, beliau adalah imam muda. Di asrama PM02 sering diberikan kepercayaan oleh warden menjadi muezzin dan imam di kalangan rakannya.

Bagi PM03, walaupun tahap pendengarannya lebih baik daripada PM02, tetapi beliau seorang yang sangat pendiam dan pemalu. Walau bagaimana pun sikapnya yang rajin belajar menyebabkan beliau tidak jauh ketinggalan dalam Kemahiran Membaca al-Quran. Kerja rumah yang diberi oleh guru, biasanya dapat disiapkan dengan baik dan sempurna. Beliau turut menghadapi masalah rabun yang teruk tetapi itu tidak menjadi penghalang baginya untuk mencapai kemajuan seperti rakannya yang lain. Sementara PM04, remaja pekak yang mudah mendengar kata guru semasa belajar dan tidak banyak karenah. Beliau kerap digandingkan dengan PM03 semasa aktiviti pembelajaran al-Quran. Bertanggungjawab dan suka membantu sesama rakan menjadikan hubungan erat dalam kumpulan punca kejayaan mereka dapat menguasai kemahiran membaca dengan mudah. Berbeza PM05, beliau memiliki kakak dan adik yang juga pekak. Kakaknya seorang murid yang sangat cemerlang dalam akademik dan sahsiah diri. Ini disebabkan oleh tempias dan motivasi dengan suasana yang lebih positif dari keluarga, beliau begitu cepat menguasai Kemahiran Membaca al-Quran. Keprihatinan ibunya yang kerap datang ke sekolah dan memberi sepenuhnya sokongan moral dalam aktiviti-aktiviti yang diceburi PM05 begitu ketara memotivasikan anaknya.

Hasil daripada sekumpulan murid-murid yang begitu positif dalam pembelajaran al-Quran mereka ini telah diberi kepercayaan oleh pihak sekolah bagi mengadakan persembahan sempena hari-hari yang berprestij. Antaranya adalah menjadi pembuka majlis bagi program menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh Jaya dengan Universiti Malaya. Mereka turut diundang mengadakan persembahan di Majlis Tilawah Al-Quran Murid Pekak 2013 yang diadakan di Universiti Malaya pada 6 Julai 2013. Mereka turut diberi kepercayaan menunjukkan Kemahiran Membaca al-Quran di Majlis Iftor Jama'ie peringkat sekolah yang turut dihadiri oleh Ketua Sektor Pendidikan Khas JPN Pahang. Kesemua aktiviti-aktiviti yang disertai oleh murid-murid ini, pengkaji merasakan bahawa tahap keupayaan dan keyakinan murid-murid ini semakin meningkat. Rasa bangga dan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan murid tipikal telah dapat dijangka. Paling tidak guru-guru dan ibu bapa boleh tersenyum lega di atas pencapaian mereka.

Peserta	Tempoh penguasaan kemahiran membaca al-Quran	Jumlah Minggu
PM09	15 Februari 2013 – 15 September 2013	28
PM10	04 Februari 2013 – 04 Jun 2013	17
PM11	04 Februari 2013 – 05 Julai 2013	21
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>66</b>

Jadual 9: Pencapaian Murid Dalam Kumpulan B



Rajah 2: Tempoh Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran Murid Dalam Kumpulan B


Bagi pencapaian Kumpulan B, tiga orang murid dikategorikan sebagai pencapaian sederhana. Ini disebabkan keupayaan mereka menguasai kemahiran membaca agak lambat berbanding murid dari kumpulan A. PM06 contohnya tidak konsisten hadir ke sekolah menyebabkan pembelajaran al-Quran beliau kerap tertangguh. Bermula bulan Februari sehinggalah bulan September barulah dapat dilihat dengan agak jelas pencapaian sebenar beliau dalam kemahiran membaca. Beliau menghadapi masalah konflik keluarga yang berpanjangan dan sebagai anak yatim dan tinggal dengan ibu saudara menyebabkan keupayaan memberi perhatian atau fokus terhadap pelajaran amat terhad. Begitu juga dengan PM07, turut bermasalah dari segi kehadiran ke sekolah. Jika dilihat kepada prestasi kehadirannya, memang ketara, dari 180 hari persekolahan, sebanyak 30 hari beliau telah tidak hadir ke sekolah. Bila ditanya apakah sebab ketidakhadiran ke sekolah kerana masalah kesihatan, maka jawapannya, hanya disebabkan malas dan kurang motivasi sebagai penyebab tidak hadir ke sekolah. Sementara bagi PM08 pula, beliau dilahirkan dari ibu bapa yang pekak. Setiap hujung minggu beliau akan balik ke kampung dan sebagai anak sulung memang agak sukar untuk menjadi contoh ikutan kepada keluarganya. Ibu bapanya juga menyatakan kesukaran buat mereka untuk membantu anaknya mengulang kaji al-Quran kerana mereka sendiri tidak menguasai kemahiran tersebut.



Kesimpulannya, ketiga-tiga murid ini sebenarnya mempunyai kemampuan kognitif yang normal tetapi bila kekangan yang ada tidak dapat ditangani dengan baik, maka prestasi mereka tidak dapat dipacu dengan lebih sempurna.

Peserta	Tempoh penguasaan kemahiran membaca al-Quran	Jumlah Minggu
PM09	04 Februari 2013 – 30 September 2013	32
PM10	04 Februari 2013 – 30 September 2013	32
PM11	04 Februari 2013 – 30 September 2013	32
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>96</b>

Jadual 10: Pencapaian Kumpulan C



Rajah 3: Tempoh Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran Murid Dalam Kumpulan C

Bagi murid di Kumpulan C, keupayaan mereka menguasai kemahiran membaca mengambil masa yang agak lama iaitu kira-kira 7 bulan. Ini disebabkan masalah kecacatan bercampur yang turut mereka alami. Contohnya PM09 selain bermasalah pendengaran, beliau juga masalah pembelajaran iaitu lembam. Bagi memahami dan memadankan huruf tunggal dan kod tangan huruf pun merupakan satu masalah buat beliau. Pengulangan dan latihan berulang kali dijalankan oleh guru. Ini dilakukan untuk memastikan beliau dapat mengingat dan memadan dengan betul. Begitu juga dengan murid PM10 dan PM11, didapati selepas ujian diagnostik dilakukan mereka bertiga paling lambat untuk mengecam huruf bersambung dengan betul. Apa lagi bila diminta untuk mengkod dan menulis bentuk huruf bersambung di awal, di tengah, dan di hujung. Hanya setelah mereka dapat menguasai dengan baik kemahiran asas ini baru diperkenal huruf yang bertanda pelbagai baris. Untuk kemahiran yang tersebut 4-5 minggu diperlukan. Pengkaji juga sering memerhatikan bahawa

ketiga-tiga orang murid ini sering tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi guru. Bahkan ada waktunya mereka ini perlu dibimbing secara satu persatu oleh guru. Latihan yang telah diberi sebelumnya tidak dapat disempurnakan dengan baik walaupun telah diterangkan oleh guru beberapa kali. Sehingga selesai proses pemerhatian di bilik darjah oleh pengkaji, didapati murid-murid ini ada kalanya masih tidak beres dalam membaca guna kod tangan. Kekeliruan tentang cara membaca kalimah berbaris mati atau sukun dengan kalimah bertanda syaddah amat ketara berlaku. Masalah 'ingatan singkat' merupakan halangan utama kumpulan ini bagi mencapai kemahiran boleh membaca. Walaupun latihan syafawi dan tahriri dijalankan agak kerap tetapi masalah sindrom lupa ini tetap juga timbul.


Kesimpulannya, murid-murid dari kumpulan C sentiasa memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar semasa aktiviti membaca al-Quran dijalankan. Dengan bantuan dari rakan mahupun ibu bapa dan guru secara berterusan, insya-Allah satu ketika nanti mereka juga boleh menyerlah seperti orang lain.

#### 4.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Rumusan dan cadangan ini membincangkan dapatan kajian yang dilakukan ke atas murid, guru, bahan bantu belajar serta kaedah yang paling berkesan diguna pakai semasa pengajaran dan pembelajaran berjalan. Turut diperoleh dapatan ialah tahap kepuasan guru dalam mencapai objektif pengajaran. Jadual 11 dan Rajah 4 menunjukkan pencapaian murid dalam kemahiran membaca al-quran melalui rpi.

Bil	Kumpulan	Peratusan Pencapaian	Jangka Masa Kemahiran Dapat dikuasai (Minggu)
1	A	45.4%	Kurang daripada 11 minggu
2	B	27.3%	Pada minggu ke-17-31
3	C	27.3%	Pada minggu ke-34

Jadual 11: Peratus Pencapaian murid dalam Kemahiran Membaca al-Quran melalui RPI



Rajah 4: Pencapaian murid dalam Kemahiran Membaca al-Quran melalui RPI

Terdapat beberapa cadangan yang dapat disenaraikan oleh pengkaji bilamana selesai kajian ini dijalankan. Berikut adalah cadangan-cadangan berkenaan:

#### 4.1 Menyemak semula Kurikulum untuk Murid Bermasalah Pendengaran

Memandangkan standard isi pelajaran Pendidikan Islam dalam komponen Tilawah, Ayat Kefahaman dan Hafazan bulat-bulat sama seperti murid arus perdana, maka perlu disemak semula kurikulum tersebut. Mengambil kira ketidakupayaan mereka dan kekangan yang ada, perlu disemak, disusun dan dinilai kembali silibus yang sedia ada terutama bagi Murid Bermasalah Pendengaran pada peringkat Sekolah Menengah. Begitu juga penggunaan Buku Teks yang ada, tidak dapat banyak membantu kefahaman murid kerana ia tidak mengambil kira keperluan golongan ini. Dari aspek ilustrasi, susun letak huruf, persembahan dan gaya penyampaian bahan, hak mereka ternyata tidak diraikan terus. Buku Teks yang bermasalah untuk mereka gunakan dan ditambah hampir tiada buku rujukan yang menepati keperluan mereka. Pihak berwajib di Kementerian Pelajaran disaran untuk mengambil inisiatif positif bagi menghadapi kemelut ini yang menginjak pada usia puluhan tahun. Satu lagi kekangan terbesar golongan ini ialah tiadanya penilaian dan pentaksiran dalam pengajian al-Quran yang direka bagi menguji kemahiran membaca menggunakan kod tangan. Sama ada ianya berbentuk syafawi (guna kod tangan) mahu pun tahriri (secara bertulis). Peperiksaan awam seperti SPM mahu pun PMR langsung tidak menjurus kepada kemahiran membaca, bahkan hanya tertumpu kepada aspek kefahaman melalui ujian pensel kertas. Penilaian al-Quran dan Fardhu Ain atau PAFA yang disusun untuk murid tipikal cuba diadaptasi secara sendiri dan atas budi bicara guru semata-mata.

#### 4.2 Program kesedaran tentang Pendidikan al-Quran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti

Menjadi sangat malang selama ini bila mana anak-anak istimewa bermasalah pendengaran ini tidak mendapat peneguhan di rumah kerana kekangan komunikasi. Kebanyakan ibu bapa gagal berinteraksi dengan anak dan dalam masa yang sama ketandusan idea dalam membimbing anak-anak ke arah menguasai kemahiran membaca al-Quran. Untuk itu, Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Guru atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah boleh memainkan peranan mengadakan program kesedaran tentang pentingnya kehidupan beragama untuk anak. Begitu juga ahli qariah atau jawatan kuasa masjid boleh mengusahakan agar kursus pendedahan diberi kepada jawatan kuasa mahu pun komuniti tentang kewujudan anak-anak ini. Ramai ibu bapa mengeluh kerana tiada ruang dan peluang anak untuk belajar mengaji di masjid mahu pun rumah jiran kerana ustaz atau ustazah tidak pandai untuk berkomunikasi dengan anak-anak ini. Selain itu juga mereka juga mengaku tidak tahu bagaimana untuk mengajar golongan ini membaca al-Quran. Bila mana golongan guru agama telah terbuka minda, maka mudah buat ilmu menerjah masuk dalam kamus hidup. Nasib anak-anak istimewa ini akan lebih terbelah dan diberi perhatian oleh komuniti.

#### 4.3 Mempertingkatkan program keagamaan dalam kalangan anak istimewa di peringkat sekolah

Pihak panitia Pendidikan Islam, sewajarnya turut merancang program pengajian berterusan yang berkaitan al-Quran di sepanjang tahun. Tadarus al-Quran di bulan Ramadan, mengaji di asrama setiap malam selepas Maghrib, mahu pun membaca surah Yasin di perhimpunan tiap pagi Jumaat adalah antara pengisian yang dapat meneguhkan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan anak istimewa. Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas sewajarnya lebih proaktif menyusun aktiviti luar bilik darjah agar anak-anak merasa terisi dan dapat memahami kepentingan al-Quran dalam kehidupan harian. Dengan melalui rutin yang erat dengan al-Quran, barulah anak-anak ini dapat menyelami serta merasai nikmatnya hidup beribadah. Program berkala seperti Kem Ibadah, MTQ, Sambutan Maulidur Rasul mahu pun Tazkirah hendaklah disusun rapi dengan meletakkan penyertaan tiap murid sebagai keutamaan. Amalan yang telah

sudah mengadakan majlis sekadar melepaskan batuk di tangga hendaklah ditinggalkan. Contohnya dengan menempel program bersama murid tipikal kadangkala tidak memberi kesan yang mendalam pada murid khas. Program ceramah tanpa ada guru yang menterjemah ke bahasa isyarat menjadikan murid sekadar penyeri majlis dan berada di dunianya yang tersendiri.

#### **4.3.5 Menilai secara adil pencapaian mengikut keupayaan murid**

Kerap kali berlaku ukuran Berjaya dan gagal sesuatu penilaian berdasarkan ukuran yang telah ditetapkan oleh mata kasar pengkaji atau sesuatu organisasi. Sedangkan banyak faktor perlu diambil kira bila mana mahu menilai pencapaian golongan ini. Perlu diubah persepsi yang diguna pakai selama ini dengan turut meraikan keupayaan yang dimiliki setiap murid. sebenarnya setiap dari mereka selalu menunjukkan usaha, Cuma kekangan-kekangan yang wujud menjadikan tahap kejayaan kelihatan berbeza-beza. mengapa tidak kita beralih kepada cara nilai 'dia dan dirinya' agar budaya membanding tidak lagi hidup subur bagi golongan ini. bersifat adil memang sukar tetapi keadilan tetap perlu ditegakkan demi menyantuni golongan istimewa ini.

#### **4.4 Memperkenalkan al-Quran sebagai sebahagian daripada hidup murid**

Turut boleh dijalankan adalah memperkenalkan Program al-Quran Sahabat Kita. Murid-murid hendaklah dipastikan memiliki senaskhah al-Quran. Carta pencapaian bacaan al-Quran setiap minggu dan bulan dikemas kini. Guru tidak perlu terikat dengan surah-surah yang ditetapkan oleh silibus. Apa yang lebih utama, murid-murid ini digalakkan berusaha mempelajari dan membaca al-Quran walaupun sehari sekadar satu ayat yang pendek. Ganjaran berbentuk bintang, atau apa sahaja yang berbentuk material boleh diberi bagi meningkatkan motivasi mereka. Jika galakan membaca dalam projek Nilam boleh di laksana, mengapa tidak bagi kemahiran membaca al-Quran. Apa yang penting kreativiti guru dan ibu bapa atau penjaga menjana idea bagi mengaktifkan sesuatu aktiviti.

Kesimpulannya, aktiviti pengajian al-Quran dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran perlu dinilai kembali oleh semua pihak. Jika gerakan yang jitu diambil peranan dengan aktifnya oleh pihak individu, kumpulan, masyarakat mahu pun institusi yang terlibat dengan komuniti ini, baik secara langsung mahu pun sebaliknya nescaya banyak perkara akan berubah.

Berada ditakuk lama akan sekadar menjadi sejarah dalam kajian pengkaji jika cabaran ini disahut dengan semangat jihad yang bersifat menyeluruh.

## 5.0 REFERENCES

- Abdullah b Muhammad Basmi, *Tafsir Pimpinan Rahman*, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1983).
- Abdullah Munsyi, *Hikayat Abdullah*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1963).
- Abu al-Hassan `Ali al-Hasany Al-Nadwi, *Nahwa al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrah*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1982), 89.
- Abu Mazaya, *Kaedah Mudah dan Cepat Menghafaz Al-Quran*, (Kuala Lumpur: t.p., 2010).
- Ahmad bin Muhammad, dan Ahmad Muhammad Syakir, ed., *Musnad Ahmad*, (al-Qahirah: Dar al-Hadith, 1995).
- Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi, Sukatan Pelajaran Terbaru Diploma Perguruan Malaysia*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997).
- Ahmad Saifuddin, *Syamil al-Quran: Mircale The Reference*, (Jawa Barat: t.p., 2010), 1191.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Pendidikan Khas Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Pendidikan Islam KPM*. (Kuala Lumpur: t.p., 2011).
- Hamdi Ishak, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) Satu Kajian Kes," (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).
- Haron Din, *Tassawur Islam*, (Shah Alam: Hizbi, 1992), 99.
- Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, *Modul Pendidikan Al-Quran Sekolah Rendah*, ed. Januari, (Kuala Lumpur: Gedung Ilmu Pendidikan Islam, 2012).
- Liana Gan Abdullah, "Penguasaan Bahasa Kanak-kanak Cacat Pendengaran Kian Terabai Satu Kajian dari aspek Pengajaran Lisan," (latihan ilmiah Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997).
- Lokman Saim, "Pengendalian Kanak-kanak Cacat Pendengaran satu Anjakan Paradigma," (Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 17 September 2004).
- Penulis tidak diketahui, "Mengaji Guna Bahasa Isyarat," Berita Harian, 16 Julai 2013. Sayyib Qutb, *Tafsir Di Bawah Naungan Al-Quran Juz 30*, terj. Siti Rabi'ah Sarnap (Kuala Lumpur: Jahabarsa, 2008).
- Syarina Angkashah, *Laporan Aktiviti Tadarus Al-Quran Pendidikan Khas 2013*, (laporan, 10 Julai – 2 Ogos 2013).